

'Bukan satu gabungan'

Piagam Muafakat Nasional dimeterai Umno-Pas dilihat tiada model berstruktur

Oleh Aizat Sharif
mohd.aizat@hmetro.com.my

Sintok

Piagam Muafakat Nasional yang dimeterai Umno dan Pas kelmarin dilihat sebagai kerjasama yang longgar kerana tiada model berstruktur menerusi penyatuan berkenaan.

Setiausaha Agung PKR Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail berkata, penyatuan yang dicapai itu bersifat longgar dan tiada pengukuhan dari segi struktur parti.

"Apa pun saya ucapkan syabas dan tahniah kepada kedua-dua parti ini dalam membentuk satu penyatuan semalam (kelmarin).

"Namun, model ini bukan *coalition*, tetapi hanyalah persefahaman, *coalition* seperti Pakatan Harapan (PH) ada strukturnya.

"Kemudian apabila kita bentuk kerajaan dalam satu negeri akan ada penyertaan semua pihak dalam *coalition* dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, itu model kita," katanya selepas Majlis Pelancaran *Food Bank* Siswa Universiti Utara Malaysia (UUM), semalam.

Katanya, sejarah hubungan Pas dan Umno serta parti lain juga menarik kerana Pas dilihat sudah beberapa kali menarik diri daripada penyatuan pada sesuatu tahap.

"Pas pernah menyertai Barusan Nasional pada 1974 sebelum berpisah. Mereka pernah bersama Angkatan Perpaduan Ummah (Apu) dan kemudian berpisah.

"Mereka pernah menganggotai Barisan Alternatif 1999 dan Pakatan Rakyat sebelum berpisah. Sejarah Pas jika dikaji, mereka boleh du-